

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membaik pulih dan menaik taraf jalan pedalaman Pos Senderut iaitu dari jalan utama Sungai Koyan-Raub ke Kampung Hulu Senderut serta membina jalan baharu dari Kampung Hulu Senderut ke Kampung Labu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jalan utama dari Sungai Koyan-Raub ke Pos Sinderut adalah di bawah penyelenggaraan MARRIS dan diselia oleh JKR Kuala Lipis. Manakala jalan dari Kampung Hulu Sinderut ke Kampung Labu telah dinaiktaraf oleh JAKOA kepada *crusher run* pada tahun 2019.

Untuk makluman YB Cameron Highlands juga, dalam tempoh 5 tahun RMKe-12, JAKOA telah mengemukakan permohonan projek pembinaan jalan di perkampungan Orang Asli kepada EPU sepanjang 150km. Dari jumlah tersebut, sebanyak 20km jalan baru akan dibina manakala 30km lagi akan dinaiktaraf di lokasi-lokasi yang memerlukan di negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.